



Soalan Lazim



Hubungi Kami



Aduan dan
Maklum Balas



Peta Laman

 Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

[Utama](#) [Galeri Aktiviti](#) [Akhbar](#) [Petikan Akhbar](#) [Utusan Malaysia - MaGIC Lancar IDEA Lonjak Perniagaan](#)

Utusan Malaysia - MaGIC Lancar IDEA Lonjak Perniagaan

🕒 Rabu, Sep 06 2017



MaGIC lancar IDEA lonjak perniagaan

CYBERJAYA 5 Sept. - Pusat Kreativiti dan Inovasi Global Malaysia (MaGIC) hari ini melancarkan Akreditasi Perniagaan Berpandukan Impak (IDEA) dalam usaha melonjakkan sektor perniagaan berpandukan impak (IDE).

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa berkata, IDEA merupakan satu inisiatif nasional untuk mencetuskan perubahan menyeluruh dalam sektor IDE melalui pengenalan platform akreditasi dan perolehan sosial.

"Ketika ini, kita mempunyai ratusan perusahaan IDE yang menyediakan pekerjaan, barangan serta perkhidmatan bersubsidi dan pemerikasaan ekonomi untuk masyarakat B40.

"Secara kolektif, mereka telah menjana pendapatan lebih RM15

juta dan menyediakan ribuan pekerjaan kepada masyarakat B40 selain memberi impak berkekalan terhadap alam sekitar.

"Sehubungan itu, agensi-agensi kerajaan digalakkan untuk memberi keutamaan kepada

perniagaan-perniagaan yang berdaftar dengan platform IDEA MaGIC," katanya berucap pada majlis pelancaran IDEA di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Zainal Rahim Seman dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Mohd. Irwan Serigar.

IDEA adalah sebuah inisiatif nasional dengan kerjasama Pejabat Pembangunan Keusahawanan Nasional (NEDO) di bawah Kementerian Kewangan bagi mem-


berikan akreditasi terhadap sektor perniagaan IDE.

Pada majlis sama, MaGIC dan Tekun Nasional (Tekun) turut menandatangani memorandum persefahaman (MoU) untuk bekerjasama dalam Impact iaitu sebuah projek yang mencipta peluang perniagaan francais mikro untuk IDE yang telah berjaya.

Mengulas lanjut, Ali berkata, mewakili sektor awam, pihaknya komited dalam memacu perubahan sistematik dalam mentransformasikan kehidupan masyarakat B40 di negara ini.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif MaGIC, Ashran Ghazi berkata, setakat ini sebanyak 21 IDE sudah diakreditasi dan disenaraikan dalam platform IDEA yang turut memiliki sebanyak 44 rakan kongsi impak.

"Kami sasarkan menjelang hujung tahun ini sebanyak 50 IDE akan diakreditasikan menerusi platform IDEA," katanya.



ALI HAMSA

**Pekeliling
Perbendaharaan**



BISNES

AGENSI

WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian



Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro



e-Penyertaan & Maklumbalas



Statistik & Prestasi



Pautan



Agensi



Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **12 Februari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**